



Panduan guna AI Assistant

AI Assistant yang terdapat pada Outline Draft membolehkan anda merangka, menyemak kandungan artikel dan membantu dalam pelbagai tugas penulisan dengan lebih mudah dan sistematik. Outline Draft terdiri daripada dua seksyen utama iaitu Outline dan Draft.



Outline – ruangan untuk merangka dan menyusun topik.



Draft – ruangan untuk memasukkan kandungan atau isi


Pada ruangan Outline, anda boleh membina kerangka penulisan dengan memasukkan topik utama serta subtopik mengikut struktur yang dikehendaki. Fungsi ini membantu anda menyusun idea dengan lebih teratur sebelum memulakan penulisan.

Manakala pada bahagian Draft pula, anda boleh memasukkan kandungan, huraian, atau isi yang berkaitan dengan topik utama dan subtopik yang telah dirangka. Dengan adanya susunan yang sistematik, proses penulisan menjadi lebih terancang dan mudah untuk disemak.

Ringkasan

1. AI Assistant dalam Outline Draft membantu merangka, menyemak dan memudahkan tugas penulisan secara sistematik.
2. Outline Draft mempunyai dua seksyen utama iaitu Outline dan Draft.
3. Ruangan Outline digunakan untuk membina kerangka penulisan melalui topik utama dan subtopik.
4. Fungsi Outline membantu menyusun idea dengan lebih teratur sebelum penulisan dilakukan.
5. Bahagian Draft digunakan untuk memasukkan isi, huraian, dan kandungan berkaitan topik yang dirangka.
6. Susunan yang sistematik menjadikan proses penulisan lebih terancang dan mudah disemak.
7. AI Assistant mampu menjana kerangka penulisan dan isi kandungan secara automatik.
8. Penggunaan AI membantu menjimatkan masa dan meningkatkan produktiviti penulisan.
9. Terdapat pelbagai pre-built prompt untuk membantu penulisan dan pembelajaran.
10. Antara fungsi prompt ialah meringkaskan kandungan, menghasilkan kesimpulan, memudahkan ulang kaji, dan menyediakan bahan rujukan.

Tetingkap utama AI Assistant




AI Assistant terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu Prompt Editor, Outline Generator/Editor dan Draft Editor. Prompt Editor menyediakan lebih daripada 100 prompt yang telah direka khas untuk kegunaan pelajar pengajian tinggi bagi membantu dalam pelbagai tugas akademik dan penulisan.

Prompt tersebut dibahagikan kepada 10 kategori utama dan setiap kategori mengandungi 10 prompt yang berbeza mengikut keperluan pengguna. Selain itu, anda juga boleh mengubah suai pre-built prompt yang disediakan mengikut kesesuaian dan gaya penulisan masing-masing. Tidak semua prompt yang disediakan tertumpu kepada penulisan semata-mata. Terdapat juga prompt yang boleh digunakan untuk tujuan lain seperti penjanaan idea, penyusunan kandungan dan pelbagai bentuk bantuan akademik.

Ringkasan


1. AI Assistant mempunyai tiga komponen utama: Prompt Editor, Outline Generator/Editor dan Draft Editor.
2. Prompt Editor menyediakan lebih daripada 100 prompt khas untuk pelajar pengajian tinggi.
3. Prompt dibahagikan kepada 10 kategori utama dengan 10 prompt bagi setiap kategori.
4. Pengguna boleh mengubah suai pre-built prompt mengikut keperluan dan gaya penulisan sendiri.
5. Prompt yang disediakan bukan sahaja untuk penulisan, tetapi juga untuk penjanaan idea, penyusunan kandungan dan bantuan akademik lain.

Cara Menggunakan AI Assistant (membina kerangka/Outline)




1. Sebelum menggunakan AI Assistant, anda perlu mencipta fail baharu atau membuka fail sedia ada. Setelah itu, klik pada topik yang terdapat di bahagian Outline.

2. Klik butang **AI Assistant** untuk mengaktifkan fungsi tersebut. Tetingkap utama akan disembunyikan sementara bagi membolehkan anda memberi fokus sepenuhnya kepada tetingkap AI Assistant.



3. Pada tetingkap AI Assistant pilih bahasa yang ingin digunakan, sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.




4. Pilih prompt yang sesuai. Untuk memulakan penulisan, anda boleh memilih prompt bagi membina kerangka berdasarkan topik yang telah dipilih.

5. Klik butang **Insert Text** dan pilih **Insert Outline Topic**.


Nota: Terdapat 4 pilihan apabila anda menekan butang **Insert Text**

6. Seterusnya, klik butang **Open AI** dan pilih platform AI pilihan anda, contohnya ChatGPT

Nota: Sekiranya tetingkap AI telah dibuka, anda hanya perlu tekan butang **Copy** dan **Paste** ke dalam AI pilihan.




7. AI Assistant akan membuka laman web AI secara automatik mengikut AI pilihan anda.
8. Tampilkan prompt ke dalam ruangan input AI dan tekan Enter.
9. Salin hasil kerangka atau kandungan yang dihasilkan oleh AI.



10


10. Kembali kepada aplikasi AI Assistant dan klik butang **Outline Editor**




11

11. Tampilkan hasil tersebut ke dalam ruangan **Outline Editor**.

12. Klik butang **Compile** untuk memproses kandungan Outline.




12



13


13. Hasil Outline yang telah diproses boleh dilihat pada ruangan **Preview**.

14. Jika anda berpuas hati dengan hasil yang dipaparkan, klik butang **Apply** untuk menerapkan perubahan tersebut.



14


15. **Outline Editor** hanya digunakan untuk **menjana kerangka** penulisan. Bagi prompt lain seperti menjana isi kandungan, anda perlu menekan butang Draft Editor dan menampal hasil yang dijana oleh AI pada ruangan tersebut.



15


- Jika anda berpuas hati dengan hasil janaan AI tekan butang **Apply** untuk memasukan kandungan tersebut dalam ruangan Draft pada program utama.

Insert Text



Nota: Terdapat 4 pilihan apabila anda menekan butang **Insert Text**

1. Insert Outline Title



Fungsi ini digunakan untuk memasukkan topik yang terdapat pada Outline di program utama ke dalam prompt, contohnya prompt untuk menjana outline atau kerangka penulisan.

Outline pada program utama

Prompt Editor - Selected Outline: **Panduan guna AI Asistant**

Anda akan melihat nama topik yang dipilih pada Outline di program utama dipaparkan pada Prompt Editor.

Bilakah fungsi ini diperlukan?

Sekiranya dokumen Outline anda belum mempunyai sebarang kerangka dan anda ingin AI menjana kerangka atau isi kandungan untuk Draft, fungsi ini boleh digunakan untuk memasukkan nama topik ke dalam prompt.

Di bahagian akhir prompt, anda akan melihat satu arahan tambahan iaitu: **(IMPORTANT: Output only the requested content. No commentary. No additional text.)** yang disertakan secara automatik. Arahan ini bertujuan untuk memastikan AI hanya menghasilkan kandungan yang diminta tanpa sebarang komen atau cadangan tambahan.


2. Insert Draft

Fungsi ini digunakan sekiranya anda ingin AI menyemak, meringkaskan, atau membuat rumusan terhadap kandungan yang telah dimasukkan ke dalam kotak Draft di program utama. Kebanyakan prompt yang digunakan adalah berdasarkan sumber daripada Draft tersebut.



3. Insert Article

Apabila anda mengklik **Insert Article**, satu kotak teks akan dipaparkan. Pada ruangan ini, anda boleh menampal sebarang kandungan daripada dokumen lain untuk dimasukkan ke dalam Prompt Editor.



Tetingkap Input Text untuk dimasukkan ke dalam Prompt Editor

4. Paste


Anda boleh terus menampal kandungan daripada sumber luar dengan menekan butang “Paste”.

Mengapa anda perlu menggunakan fungsi ini untuk menampal kandungan dalam Prompt Editor?

Setiap kandungan yang ditampal menggunakan fungsi “Paste” akan disertakan secara automatik dengan arahan (*IMPORTANT: Output only the requested content. No commentary. No additional text.*). Ini bertujuan memastikan AI hanya menghasilkan kandungan yang diminta tanpa sebarang komen atau tambahan lain.

Nota: Semua ke empat fungsi pada Insert Text akan dimasukkan dengan satu prompt tambahan. Anda juga boleh menulis atau menampal terus ke dalam Prompt Editor tanpa melalui Insert Text. Maklumat yang masukkan hendaklah di buat di dalam simbol << dan >>. Anda juga boleh mengubah pre-built prompt mengikut keperluan.

Draft Editor



Hasil janaan daripada AI seperti ChatGPT, Copilot dan lain-lain hendaklah ditampal pada ruang Draft Editor. Tekan butang **Apply** untuk memasukkan kandungan tersebut ke dalam seksyen Draft pada program utama.

Namun, jika anda menggunakan prompt contohnya untuk meringkaskan isi draf, anda tidak perlu menampal hasil tersebut pada ruang ini kerana ia boleh ditampal terus pada ruang Draft di program utama.